



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN**  
**ISNIN 24 JULAI 2023**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1.	RM100 JUTA PERKASA SEKTOR AGROMAKANAN, BISNES, HM -27	AGROBANK
2. 3.	KELADI AGAS ANCAM TANAMAN PADI, DALAM NEGERI, UM -34 LARANGAN OPERASI: KECUALIKAN LORI MUATAN SAYUR, DALAM NEGERI, UM -14	LAIN-LAIN

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

24/7/2023

HARIAN

BISNES

27

METRO

# RM100 juta perkasa sektor agromakanan

Mara, Agrobank sasar 200 usahawan Bumiputera terima manfaat

Kuala Lumpur

**M**ajlis Amanah Rakyat (Mara) menjalin kerjasama strategik dengan Agrobank untuk menawarkan pembiayaan bernilai RM100 juta kepada usahawan Bumiputera terutamanya dalam sektor agromakanan.

Program kerjasama yang dinamakan sebagai Skim Pembiayaan Agro Mara (Da-na Agro Mara) itu dirangka secara bersama yang akan menggunakan produk sedia ada Agrobank iaitu Term Financing-1 dan Modal Kerja-1.

Di bawah Skim Pembiayaan Agro Mara, had pembiayaan adalah bermula de-ngan RM10,000 sehingga maksimum RM5 juta de-ngan kadar keuntungan se-hingga 4.0 peratus berda-sarkan baki berkurangan dengan tempoh pembiayaan maksimum sehingga 60 bulan.

Mara dalam kenyataan berkata, ia mensasarkan 200 usahawan menerima manfaat daripada kemuda-han ini sehingga Disem-ber 2023 membabitkan pe-runtukan sebanyak RM50 juta.

"Inisiatif berkenaan se-



KADAR pembiayaan Dana Agro Mara bermula dari RM10,000 hingga maksimum RM5 juta.

lebih besar.

"Ia juga diharap dapat membantu mereka untuk menajana dan melonjakkan perniagaan ke tahap lebih tinggi," katanya.

Menurutnya, memandangkan Mara sebelum ini menanggungkan pembia-yaan dalam sektor agromaka-an, pembiayaan Dana Agro Mara ini kembali dibuka un-tuk usahawan Bumiputera yang layak.

"Mara yakin dapat mem-

perkasa usahawan dalam sektor agromakanan mela-lui kemudahan pembiayaan komprehensif di bawah program itu akan menjana usahawan mahir.

"Ia secara tidak langsung memacu pertumbuhan ke-upayaan sumber manusia, inovasi teknologi dan pro-dukktiviti dalam sektor per-tanian yang akan terus me-ningkatkan ekonomi dan pembangunan negara seca-ra keseluruhan," katanya.

## RM5j

Had maksimum pembiayaan Skim Pembiayaan Agro Mara.

jajar dengan usaha Mara untuk memperluas pema-waran kemudahan pem-bia-yaan perniagaan dalam bi-dang agromakanan kepada usahawan Bumiputera me-lalui had pembiayaan yang



24/7/2023

UTUSAN  
MALAYSIADALAM  
NEGERI

34

# Keladi agasancam tanaman padi

Oleh WAT KAMAL ABAS  
utusannews@mediamulla.com.my

**BAGAN SERAI:** Tumbuhan air dikenali keladi agas menjadi ancaman kepada pesawah di sini, apabila tumbuhan itu membiak dengan cepat sehingga ke petak sawah.

Pesawah berkata, sejak dua musim penanaman lalu, keladi agas sudah dikesan tumbuh di kawasan saliran, namun ketika itu tidak terlalu banyak.

Menurut pesawah, pada musim penanaman kali ini, tumbuhan itu membiak hingga ke kawasan padi.

Seorang pesawah, Mohd. Saufe Anoh, 45, berkata, keadaan itu menyebabkan pembesaran padi terjejas malah ada yang mati akibat tumbuhan berkenaan.

Katanya, kawasan yang terjejas akibat masalah itu ialah di Kompartmen E iaitu di Alor Pongsu yang melibatkan berpuluh-puluh petak sawah yang dipenuhi tumbuhan tersebut.

"Saya menyembur racun ketika saiznya kecil namun tumbuhan ini sepeertinya kebal. Selepas sehari diracun, daun keladi agas ini akan layu, namun beberapa hari selepas itu ia tumbuh dengan daun baharu



**PESAWAH menunjukkan keladi agas yang tumbuh hingga ke dalam kawasan petak sawah mereka di Bagan Serai, Perak. - UTUSAN/WAT KAMAL ABAS**

dan ini menunjukkan racun yang selama ini digunakan tidak mampu untuk memusnahkan tumbuhan ini," katanya kepada *Utusan Malaysia*.

Kata Mohd. Saufe, dia percaya antara punca utama menyebabkan keladi agas membiak di kawasan tanaman padi di Parit Haji Ali disebabkan sistem perparitan yang tidak diselenggarakan dengan baik oleh pihak

berkaitan.

Menurutnya, terdapat dua jenis parit saliran air di sini iaitu parit air masuk ke kawasan tanah padi manakala satu lagi untuk pengaliran air yang dibuang dari petak sawah.

"Yang ditumbuhi keladi agas ialah di parit pembuangan air dan ini menyebabkan aliran air keluar dari petak sawah tidak berjalan dengan lancar," katanya.

Seorang lagi pesawah, Arpain Senusi, 57, berkata, apabila sistem pengaliran tidak diselenggara, tumbuh pelbagai jenis tumbuhan liar yang mengancam tumbesaran padi.

"Pada musim penanaman kali ini, keladi agas memenuhi petak sawah menyebabkan anak padi dan pokok padi yang dalam proses pembesaran tenggelam serta mati," katanya.



# Larangan operasi: Kecualikan lori muatan sayur

**PETALING JAYA:** Larangan terhadap kenderaan barangan beroperasi pada Jumaat hingga Ahad termasuk hari cuti umum perlu dikecualikan kepada lori muatan sayur dengan syarat mandangkan sayur-sayuran adalah barangan yang mudah rosak.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Presiden Gabungan Persatuan Penjaja dan Peniaga Malaysia, Datuk Seri Rosli Sulaiman berkata, Jabatan Kerja Raya (JKR) perlu melihat secara keseluruhan bukan hanya satu pihak mengenai larangan yang

dikeluarkan.

“Perkara ini menjejaskan pengusaha dan petani di Cameron Highlands kerana sayur bukan barangan yang tahan lama dan tidak boleh ditangguh perjalanannya menuju ke destinasi mereka.

“Perkara ini memberi kesan kepada rantaian makanan seterusnya kepada semua pihak bermula petani, pengusaha, pemborong dan akhir sekali pengguna,” katanya ketika dihubungi.

Semalam, *Mingguan Malaysia* melaporkan, kira-kira 300 met-

rik tan sayur-sayuran di pusat peranginan Cameron Highlands berdepan risiko layu dan hilang kesegaran untuk dipasarkan.

Ini susulan larangan terhadap kenderaan barangan beroperasi pada Jumaat hingga Ahad termasuk hari cuti umum bermula pukul 10 pagi hingga 3 petang oleh JKR yang bertujuan mengurangkan kesesakan pusat peranginan itu.

Menurut Rosli, JKR perlu menyelidik secara mendalam sebelum mengeluarkan arahan supaya tidak menjejaskan mana-mana pihak serta mencari

alternatif lain bagi memastikan sayuran dapat dibawa turun dari pusat peranginan itu tepat pada waktunya.

“Saya cadangkan lori yang sarat dengan muatan sayur-sayuran atau barangan yang tidak tahan lama dikecualikan daripada larangan yang dinyatakan JKR.

“Jika barangan kering tidak kisah kerana kita tahu barang itu tahan lama. Sayur dan buah tidak akan tahan lama serta cepat rosak jika tidak dikendalikan dengan segera,” katanya.

Sementara itu, Setiausaha

Agung Gabungan Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Nur Asyikin Aminuddin berkata, larangan terhadap kenderaan barangan komersial pada waktu dan hari tertentu tidak efektif serta hanya mengakibatkan kerugian kepada pengusaha serta pengguna.

“Jika pengusaha sayur mengalami kerugian banyak, ia menyebabkan rantaian makanan di seluruh negeri terganggu dengan kekurangan bekalan sayur yang segar dan menyebabkan pengguna tidak puas hati,” katanya.